

**TEKS PERUTUSAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA MAJLIS AMANAT TAHUN 2021 DAN
PELANCARAN
PELAN STRATEGIK ORGANISASI
KEMENTERIAN KERJA RAYA
2021 – 2025**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam
Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya jua, kita dapat bersama-sama pada Majlis Amanat Tahun 2021 dan Pelancaran Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya ini, walaupun secara maya.

2. Majlis perasmian dalam talian seperti ini adalah norma baharu yang perlu kita teruskan pada tahun baharu 2021 ini, dalam usaha memerangi penularan pandemik COVID-19. Sepanjang 2020, kita telah diuji dengan cabaran yang cukup besar dan getir akibat penularan pandemik ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kita juga telah menyaksikan kejatuhan harga minyak dunia dan kemerosotan mata wang Ringgit dalam pasaran antarabangsa, yang turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Penularan pandemik COVID-19 pada suku pertama 2020 merupakan kemuncak kepada cabaran getir masyarakat di seluruh dunia. Pandemik ini secara langsung telah mengubah corak kehidupan kita dalam pelbagai aspek sosio-ekonomi termasuklah penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

4. Bagi mengekang penularan COVID-19, kerajaan terpaksa mengambil langkah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020. Hanya perkhidmatan perlu sahaja dibenarkan beroperasi pada masa PKP pertama ini. Industri pembinaan adalah tidak terkecuali. Banyak projek-projek pembinaan terpaksa diberhentikan termasuklah projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Industri pembinaan mengalami kerugian kira-kira RM11.6 bilion sepanjang tempoh tersebut dan pelbagai masalah berkaitan timbul ekoran daripada penutupan tapak-tapak bina seperti masalah kehilangan pekerjaan dan sebagainya.

5. Bagi menangani krisis ekonomi disebabkan langkah kawalan pandemik ini, kerajaan telah mengumumkan beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) untuk membantu merencanakan kembali ekonomi negara termasuklah bagi industri pembinaan. Projek-projek kerajaan telah disusun semula bahkan banyak projek-projek baharu diluluskan untuk tujuan tersebut. Alhamdulillah, Kementerian Kerja Raya telah berjaya melaksanakan sebanyak 1056 projek bernilai RM410.6 juta di bawah PRE 1.0 dan PRE PRIHATIN. Terkini, pakej bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia, atau secara ringkasnya PERMAI, yang bernilai RM15 bilion telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Januari 2021, bagi menambah baik inisiatif sedia ada.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Setelah PKP Fasa Pemulihan dilaksanakan pada 10 Jun 2020 banyak sektor ekonomi telah dibuka dan dibenarkan beroperasi semula. Bagaimanapun momentum pemulihan di sektor pembinaan amat perlahan pada awal tempoh pemulihan. Ini disebabkan beberapa kekangan yang dihadapi oleh pihak industri seperti masalah kekurangan pekerja, masalah pusingan modal, kebimbangan penularan wabak di tapak bina dan sebagainya. Bagaimanapun, perkembangan positif mula dilihat

pada suku keempat 2020 dimana sehingga Disember 2020, sebanyak 98% tapak bina di seluruh negara telah beroperasi semula sepenuhnya meskipun nilai projek pembinaan menyusut kepada RM61.4 bilion iaitu sebanyak 39% pada tahun lalu.

7. Mengimbas kembali pencapaian kita pada tahun lalu, kita berbangga dapat menyiapkan laluan Projek Central Spine Road Pakej 3 menghubungkan Kampung Relong, Lipis, Pahang ke Gua Musang, Kelantan khusus untuk kemudahan rakyat meskipun dalam menghadapi kekangan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pembinaan lebuh raya ini memainkan peranan penting dan signifikan dalam merangsang pertumbuhan sosio-ekonomi setempat, selain melengkapkan rangkaian perhubungan jalan raya di negara kita.

8. Selain menyediakan kemudahan infrastruktur jalan raya yang baharu, kita juga telah meneruskan usaha memastikan jalan-jalan Persekutuan sedia ada sentiasa dalam keadaan selesa dan selamat digunakan oleh pengguna. Sebanyak 46 lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspots*) di seluruh negara telah dirawat dan dibuat penambahbaikan sepanjang tahun lalu. Usaha ini akan kita teruskan pada tahun 2021 dan pada tahun-tahun yang akan datang melalui peruntukan yang diberikan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kebelakangan ini, isu *potholes* semakin mendapat perhatian masyarakat khususnya di media sosial. Situasi ini jika tidak ditangani secara proaktif dan berhemah ia boleh menjejaskan imej kerajaan dan Kementerian Kerja Raya secara khusus.

10. Langkah pertama untuk menangani isu ini telah diambil dengan melancarkan semula Program Aku Janji Zero Potholes pada 3 Julai 2020 dimana kerja-kerja penampalan jalan berlubang dilaksanakan dalam tempoh masa 24 jam (secara sementara) daripada penemuan ataupun aduan kerosakan. Dalam tempoh 3 hari, pembaikan kekal akan dilaksanakan selari dengan Piagam Pelanggan Jabatan Kerja Raya dan kontrak penyenggaraan jalan persekutuan pihak konsesi.

11. Seterusnya, bagi menunjukkan Kementerian Kerja Raya amat serius untuk mengatasi isu *potholes*, sebuah pelan tindakan baharu iaitu **Ke Arah Penyenggaraan ‘Potholes’ Lebih Cepak** telah diperkenalkan di dalam Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya Tahun 2021 - 2025. Pelan tindakan ini akan dilaksanakan dan dipantau secara berterusan bagi memastikan strategi mempertingkatkan keselamatan dan keselesaan infrastruktur yang dibangunkan untuk kemudahan rakyat tercapai.

12. Untuk makluman, pada tahun 2020 sahaja sebanyak 168,000 *potholes* telah ditampal oleh konsesi. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pothole yang ditampal dalam tempoh 5 tahun bermula 2016 adalah sebanyak 880,049 *potholes*.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Dalam aspek tadbir urus kementerian pula, pada tahun lalu kita telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memantapkan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan. Antaranya ialah mewujudkan Pelan Anti Rasuah KKR 2021-2025 yang telah dilancarkan pada 24 November 2020 yang lalu. Sebagai kementerian peneraju kepada industri pembinaan, pengukuhan elemen integriti serta usaha menghapuskan amalan rasuah merupakan agenda penting bagi memastikan projek-projek kerajaan dilaksanakan dengan penuh telus dan berintegriti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Dalam mengharungi tahun baharu ini, kita perlu peka dan memastikan perencanaan dan hala tuju kementerian adalah seiring dengan perkembangan semasa dunia. Melangkah ke era Fourth Industrial Revolution (4IR), kita ingin memastikan negara kita dan seluruh industri pembinaan khususnya dapat bergerak

seiring dengan trend tersebut. Sehubungan dengan itu, kementerian ini bersama agensinya sedang bekerjasama erat membangunkan kerangka Dasar 4IR yang lebih fokus, strategik dan komprehensif supaya revolusi industri ini lebih terarah dan terurus. Bagi tujuan itu, pelbagai inisiatif telah diambil dengan mewujudkan:

- Majlis Pembangunan Industri Pembinaan;
- Jawatankuasa Pembangunan Professional Pembinaan;
- Jawatankuasa Teknologi, Pendigitalan dan Inovasi Sektor Pembinaan (JTPIP); dan
- Jawatankuasa Data Strategik Sektor Pembinaan Negara (JDSSPN).

15. Pada tahun lalu juga, kita turut membangunkan beberapa dasar baharu jangka panjang sebagai panduan dan halatuju jelas untuk industri pembinaan negara. Antaranya adalah:

- Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030); dan
- Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuhraya 2030 (DPJL 2030), yang akan kita lancarkan pada tahun ini.

16. Dalam masa yang sama, kementerian ini telah menyiapkan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau Highway Network Development Plan 2030 (HNDP 2030). HNDP 2030 merupakan sebuah dokumen yang komprehensif bagi mengenalpasti keperluan infrastruktur jalan pada masa hadapan, ke arah memastikan wujudnya jaringan perhubungan jalan raya yang baik untuk kemudahan rakyat di samping menyokong pembangunan sosio-ekonomi negara.

17. HNDP 2030 adalah penting untuk dijadikan rujukan utama semua Kementerian, Agensi Pusat dan Kerajaan Negeri yang berkaitan untuk perancangan projek pembangunan rangkaian jalan raya bagi RMK-12, RMK-13 dan selepas RMK-13 supaya kemudahan yang disediakan adalah yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat serta pembangunan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Pada tahun ini Kementerian Kerja Raya telah diperuntukkan sebanyak RM7.348 bilion di bawah Belanjawan 2021. Sejumlah RM1.26 bilion adalah untuk maksud Belanja Mengurus manakala baki RM6.088 bilion lagi akan digunakan bagi maksud Belanja Pembangunan. Sebanyak 52 projek baharu yang berimpak tinggi telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini khususnya projek-projek lebuh raya bagi

melengkapkan jaringan jalan raya di negara kita. Selain itu, projek-projek berimpak tinggi ini juga dilihat sebagai salah satu prospek pemulihan ekonomi yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk tahun 2021. Adalah menjadi harapan kita supaya projek-projek ini dapat dilaksanakan meskipun kita masih menghadapi cabaran dan kekangan disebabkan pandemik COVID-19.

19. Sektor pembinaan harus digerakkan ke tahap optimum dalam keadaan norma baharu. Industri pembinaan merupakan agen pengganda ekonomi yang boleh memberi manfaat ekonomi bukan sahaja kepada eko-sistem industri pembinaan itu sendiri bahkan kepada industri-industri lain secara amnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Sempena pelancaran Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua warga Kementerian Kerja Raya dan Agensinya atas komitmen padu yang diberikan dalam menyiapkan pelan strategik ini.

21. Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 memfokuskan kepada usaha industri pembinaan dalam pemulihan semula ekonomi Malaysia ke arah merealisasikan

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Mengambil kira keupayaan kita untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12, kesediaan menerokai Revolusi Industri 4.0 dan dasar-dasar semasa yang akan kita perkenalkan. Pelan ini telah mengambil kira analisis persekitaran dan cabaran-cabaran isu semasa serta turut menekankan kerjasama strategik Kementerian Kerja Raya bersama institusi awam dan swasta. Ini bertujuan melahirkan personel industri pembinaan warga tempatan untuk mengisi peluang pekerjaan berkualiti yang akan diwujudkan dalam industri pembinaan negara.

22. Tuntutan pelanggan yang semakin meningkat dan mencabar memerlukan perancangan strategik yang holistik dan responsif serta hendaklah disampaikan dengan segera selaras dengan norma baharu. Kaedah penyampaian perkhidmatan kepada rakyat oleh Kementerian Kerja Raya dan agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan tiga (3) Lembaga Profesional akan ditransformasikan melalui penggunaan teknologi digital serta lestari bagi memastikan projek yang dirancang dapat memberikan manfaat secara optimum kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 mengandungi empat (4) teras strategik utama seperti berikut:

- Teras Pertama:
Memperkuh pembangunan infrastruktur dan keterangkuman wilayah.
- Teras Kedua:
Memperluas penggunaan teknologi digital dalam pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur.
- Teras Ketiga:
Memperkasakan kapasiti dan kebolehan serta daya saing industri pembinaan.
- Teras Keempat:
Memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

24. Teras-teras strategik ini disokong oleh strategi-strategi dan pelan-pelan tindakan yang akan sentiasa disusuli dengan

pemantauan dan penilaian supaya sentiasa selari dengan aspirasi kementerian dan Kerajaan secara amnya. Perincian berkaitan pelan tindakan yang telah dirancang sepanjang tahun 2021 – 2025 boleh didapati secara digital dari laman sesawang Kementerian Kerja Raya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

25. Kementerian Kerja Raya akan terus memainkan peranan sebagai pemacu dalam membangunkan kemudahan infrastruktur serta ejen perubahan dalam industri pembinaan negara. Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 akan menjadi dokumen penting untuk menunjukkan komitmen KKR serta agensi.

26. Saya percaya seluruh warga kerja mempunyai keazaman dan iltizam yang tinggi untuk menjadikan Kementerian Kerja Raya sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

27. Semoga semua pelan tindakan yang dirangka melalui Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 dapat memenuhi aspirasi rakyat yang ingin melihat Malaysia terus maju dan makmur, serta tahun 2021 akan menjadi titik permulaan kebangkitan semula ekonomi Malaysia.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya melancarkan Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh